# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 21 — RABU 24HB. MEI, 1978. — 16 جمادي الاخير 1398 رابو — PERCHUMA


# PAMERAN LUKISAN DI-MUZIUM BRUNEI

KOTA BATU. — Sa-banyak lebeh 157 buah lukisan yang berupa potret, pemandangan, gubahan alam semula jadi, tukolan tembaga dan batik yang dihasilkan oleh 22 orang pelukis tempatan di-negeri ini kini sedang di-pamerkan di-bangunan Muzium di-sini.

Pameran yang mula di-buka pada hari Selasa yang baru lalu itu telah di-rasmikan dengan kunjongan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan (gambar kanan). Pembukaan pada hari itu telah juga di-hadhiri oleh Ahli2 Yang Berhormat dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Pameran yang di-anjorkan oleh Persatuan Pelukis2 Brunei itu bertujuan untok menyatu-padukan pelukis2 tempatan karah penubohan-nya dan berharap dengan ada-nya kerjasama dan penyatuan suara mereka saperti mengadakan pameran serupa itu ia-nya akan terus tumboh dengan subor bagi hasil yang berguna.

Pameran itu terbuka untok kunjongan orang ramai sa-lama dua minggu pada waktu2 lawatan ka-muzium di-buka.



## Pesta Ria

BANDAR SERI BEGAWAN. —Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei akan mengadakan Pesta Ria bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Kati Mahar, Jalan Tutong pada 27hb Mei, 1978 mulai jam 7.30 malam.

Beberapa achara menarek akan di-persembahkan dalam pesta tersebut, termasok persembahan2 nyanyian dari penyanyi2 tempatan, lawak jenaka, terima-lah sampul surat dan sa-jenak bersama awda. Persembahan tarian asli dan moden juga akan di-persembahkan pada malam itu.

Pendudok2 Kampong Kati Mahar dan kampong2 di-sekitar-nya ada-lah di-persilakan datang ka-dewan sekolah tersebut untok menyaksikan persembahan2 pada malam itu.

# Baharui lesen chukai dua minggu sa-belum mansoh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemilek2 kereta ada-lah dinasehatkan supaya membaharui lesen chukai jalan kereta mereka dua minggu sa-belum lesen2 itu mansoh.

Pengawal Pengangkutan Darat dalam satu kenyataan-nya berkata langkah tersebut di-buat bagi mengelakkan kesesakan dan kesibokan di-Pejabat2 Pengangkutan Darat.

Kata-nya, pemilek2 kereta biasa-nya datang membaharui lesen kereta mereka pada tiap2 penghujong bulan dan ini menyebabkan kesesakan dan kesibokan baik di-Pejabat Pengangkutan Darat di-Bandar Seri Begawan mahupun pejabat-nya di-Kuala Belait.

Amalan saperti ini perlu dihindarkan demi untok mengelakkan kesesakan dan menimbulkan perasaan hampa atau tidak puas hati dari pemilek2 kereta jika permohonan2 mereka tidak dapat di-selesaikan pada hari yang berkenaan.

Pengawal Pengangkutan Darat itu juga mengumomkan bahawa mulai sekarang nombor pendaftaran hanya akan dikeluarkan apabila pemohon2 itu menunjokkan bokti yang ia telah membeli kereta bagi nombor yang di-maksudkan.

Kata-nya perubahan ini terpaksa di-buat berikutan terdapat pada masa ini banyak nombor2 yang telah di-peruntokan tidak jadi 'di-ambil'.

Sementara itu, Pengawal Pengangkutan Darat juga meminta kerjasama pemandu2 pelajar yang mempunyai lesen memandu sementara supaya tidak belajar memandu di-kawasan Pejabat Pengangkutan Darat.

# Tinggikan pemikiran dan nilai2 hidup penuntut

BERAKAS.— Menerusi aktiviti tambahan saperti berbalas pantun di-sekolah2 menengah adalah di-harapkan ia-nya akan menjadi satu disiplin dan saloran dalam usaha membentok kecherdasan otak murid2 untok tujuan meninggikan lagi chara pemikiran mereka terhadap nilai2 hidup dan pelajaran masing2 demi kepentingan mereka sendiri dan negara kita.

Beruchap ketika merasmikan Peraduan Berbalas Pantun Melayu perengkat akhir bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri kali ke-empat di-Sekolah Inggeris Berakas di-sini petang Sabtu lalu, Awang Haji Mohd. Kassim, Timbalan Pegarah Perjawatan Brunei berkata, projek serupa itu ada-lah juga bertujuan untok penuntut2 mendapatkan pengalaman berdiri di-khalayak ramai tanpa malu dan takut.

Kata-nya, keberanian hati untok tampil kehadapan dan berdiri di-khalayak ramai adalah merupakan sa-bagai satu 'art' yang mempunyai teknik tertentu yang mana boleh dipelajari saperti juga mata pelajaran yang lain.

Kegiatan tersebut juga, tambah Awang Haji Mohd Kassim, dapat meletakkan murid2 menentukan pemilehan pantun mana yang sesuai bagi jawapan kapada pantun yang di-beri, demikian hal-nya dengan nilai hidup kita yang sa-tiap hari berhadapan dalam membuat keputusan tentang apa baik dilakukan dan sa-balek-nya yang tidak baik di-lakukan.

"Mithal-nya soal dadah. Dadah ada-lah satu benda yang mengkhayalkan dan sudah tentu kita semua dapat membedzakan akibat dan keburokan-nya, dan kalau kita analisa betul2 dadah tidak akan mendatangkan kebaikan, di-sebalik-nya akibatnya ada-lah burok. Dari itu ada-lah munasabah dadah itu di-hindarkan dari masharakat kita Brunei", tambah-nya.

Awang Haji Mohd Kassim menambah kata lagi, yang penting kita menongkan dalam perkara ini ia-lah implakasi nilai hidup tentang kebaikan dan keburokan yang mana hanya akan dapat di-kenali oleh murid2 yang mempunyai otak dan fikiran yang sehat, kerana itu otak yang cherdas dan fikiran yang sehat hendak-lah di-usahakan dan di-salorkan ka-atas yang berfaedah demi untok kebaikan dan meninggikan pelajaran murid2.

Turut beruchap di-upachara peraduan itu termasok-lah Pengetua Sekolah Inggeris Berakas, Awang Adnan bin Buntar selaku pengerusi peraduan dan Awang Aliakbar bin Abu Bakar selaku wakil Jabatan Pelajaran. (Gambar2 dan keputusan lihat muka 6).



GAMBAR atas menunjokkan Pemerentah AMDB, Colonel Dato Norman Roberts menyampaikan piala kejohanan kapada Lt. Jaafar bin Haji Jaludin, dari Platoon ke-14 'E' Kompeni yang telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan antara platoon yang telah di-adakan sa-lama 10 hari awal bulan ini. Sa-banyak 18 platoon dari kedua2 battalion AMDB telah menyertai perlawanan tahunan itu.

# Perlumbaan akan lebeh meriah tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan Kereta Brunei Grand Prix pada tahun ini dijangka akan lebeh meriah dan menarek daripada tahun lepas. Ini memandangkan beberapa perubahan akan di-buat dan tiga achara baru akan di-adakan dalam perlumbaan tersebut.

Achara2 baru itu ia-lah perlumbaan Production Car (tanpa ubah suai), perlumbaan bagi wanita dan perlumbaan bagi orang2 kenamaan dengan menggunakan kereta yang di-taja oleh sharikat2 pengedar kereta.

Bagi menjaga keselamatan para penunton pula, pehak penganjor telah bersetuju untok menempatkan mereka di-satu kawasan sahaja ia-itu di-kawasan Perpindahan Burong Pingai Berakas.

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

24HB MEI, 1978

# KEHARUMAN NEGARA

ATAS nama-nya Brunei membangun yang sering di-sebut2 sejak beberapa lama dan hingga-lah ka-hari ini, maka chabang2 dan ranting2 nama "membangun" itu semakin nampak dan terasa. Risiko daripada-nya pula terdapat dua persimpangan yang tidak boleh tidak terpaksa di-tempoh oleh sa-tiap bangsa dan negara yang mahu dan sedang membangun itu ia-itu persimpangan antara burok dan baik. Dalam menilai burok dan baik ini pula yang sering di-alaskan, kerana membangun itu, ada-lah memerlukan kajian yang sungguh2 terutama tentang tekanan2 bahawa untok membangun itu kita mesti menghadapi gejala2 yang mempunyai kemungkinan2-nya tersendiri saperti mungkin maju, mundur, berjaya, kechewa, burok, baik dan berbagai2 lagi dalam pengertian kata sifat berlawan itu. Apa yang sering di-perkatakan dalam soal2 membangun ini ia-lah yang negitif dan, apabila yang negitif itu di-timbulkan tentu-lah tujuan-nya supaya timbul daya usaha bagi mengusai dan membaiki-nya.

Dengan yang demikian, hari ini kita melihat beberapa kemajuan dalam berbagai2 perkembangan, khusus-nya sosial. Berbagai daya usaha untok mengembangkan kesenian dan kebudayaan bangsa kita Brunei misal-nya, telah mengambil tempat yang wajar dan demikian juga dalam lapangan sokan yang dengan sa-chara langsong atau sebalek-nya telah dapat mengharumkan nama negara kita. Ini-lah satu di-antara banyak bokti untok membaiki nama kita sa-bagai membangun itu. Sa-jauh ini kita mengikuti penghantaran perwakilan dari beberapa pertubohan di-negeri kita ini ka-beberapa kegiatan antara bangsa saperti mengenai dengan kegiatan2 pengakap dan belia2, pendidekan, kebudayaan, sokan dan lain2-nya. Kita yakin bahawa kegiatan sa-umpama ini juga telah menelorkan hasil yang baik terhadap masharakat kita sendiri terutama dalam soal2 menyedari hakikat sa-bagai satu bangsa yang mahu membangun itu.

Dalam menarek perhatian terhadap kegiatan2 yang tersebut di-atas, kita tertarek pula mengingatkan beberapa kes yang di-hadapkan ka-mahkamah sa-jauh ini saperti peras-ugut, pechah-rumah, menipu dan pada satu waktu kita mendengar ada-nya kes2 kekerasan yang lain saperti rogol. Perkara2 yang sa-umpama ini ada-lah merupakan penyakit masharakat di-negara2 lain yang sudah menjangkit ka-negara kita ini pula. Mengubati penyakit masharakat ini, timbul satu theori bahawa ia-nya hanya boleh di-ubati oleh masharakat itu sendiri dengan mengadakan inisiatif menyedarkan betapa hina-nya perbuatan yang demikian itu di-sisi kemanusiaan dan ugama.

Masharakat dalam konteks ini tidak di-tujukan semata2 dalam erti berkumpolan, tetapi melingkongi kapada pemimpin2, guru2, ibu-bapa2, sanak-saudara, muda-mudi dan terutama-nya golongan intelek. Semoga-lah inisiatif masharakat dalam menaubati penyakit masharakat itu sendiri akan mengambil tempat yang wajar sa-belum melarat dan demi menjaga keharuman nama baik negara dan bangsa kita.

# DARI BILEK TAKLIMAT Siri ke-16

DALAM keluaran yang lalu kita telah meninjau ka-sekolah2 rendah aliran Melayu. Dalam siri ini kita membuat tinjauan pula ka-Sekolah2 Persediaan Inggeris di-seluroh negeri. Laporan yang kami muatkan di-sini ada-lah laporan dari Jabatan Pelajaran pada tahun 1978. Menurut laporan itu ada terdapat sa-ramai 8,114 orang murid yang belajar di-sekolah2 Persediaan Inggeris di-seluroh negeri.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 5,365 orang di-Daerah Brunei dan Muara; 1,199 orang di-Daerah Tutong; 1,240 di-Daerah Belait dan 310 orang di-Daerah Temburong.

Murid2 yang terpileh ka-Sekolah2 Persediaan Inggeris ini ada-lah murid2 yang berumor tidak lebeh dari 12 tahun dari sekolah2 rendah aliran Melayu yang dudok di-darjah V yakni lulus darjah empat, atau yang lulus darjah V tetapi umor-nya maseh di-bawah 12 tahun. Dalam Sekolah Persediaan Inggeris ini murid2 tersebut akan dudok selama tiga tahun — ia-itu sa-hingga Prep III. Pada tahun ketiga ini murid2 tersebut akan mendudoki pepereksaan bagi melayakan mereka naik ka-Tingkatan I (Form I).

Umor murid2 tersebut meningkat paling rendah apabila mereka di-Tingkatan I (Form I) ia-lah 13 tahun. Sebab Jabatan Pelajaran mengadakan Sekolah2 Persediaan Inggeris ini kerana memandang beberapa tahun yang lalu di-sekolah2 Rendah Aliran Melayu belum di-adakan mata pelajaran bahasa Inggeris, jadi untok membolehkan murid2 memasoki ka-sekolah Inggeris Kerajaan. Jabatan Pelajaran telah mengambil langkah yang chekap lagi berkesan bagi membolehkan murid2 aliran Melayu memasoki ka-sekolah Inggeris maka itu-lah sebab-nya Jabatan Pelajaran telah mengadakan Sekolah2 Persediaan Inggeris ini. Mungkin di-satu masa kelak Sekolah Persediaan Inggeris akan bertukar chara-nya apabila di-Sekolah2 Rendah Aliran Melayu telah pesat dan mampu mengeluarkan murid2 yang layak terus dapat masok ka-sekolah Inggeris. Ini dapat di-lihat masa ini Pelajaran Bahasa Inggeris telah di-adakan di-Sekolah2 Rendah Aliran Melayu bermula dari darjah I. Semoga usaha yang gigih dari Jabatan Pelajaran ini akan menghasilkan murid2 yang maju dan tidak terchichir masa dan pelajaran mereka dari satu masa ka-satu masa yang akan datang. Dengan usaha ini ternampak bagi kita dari sekolah2 Rendah Aliran Melayu akan mengeluarkan jurusan dua hala ia-itu Melayu dan Jurusan Inggeris. Ini telah pun terdapat dari beberapa tahun yang lalu yang mana di-negeri kita ini ada Sekolah Menengah Melayu dan Menengah Inggeris, kedua2 jurusan ini akan menelorkan penuntut2 ka-Tingkatan Enam Atas sa-bagaimana yang ada sekarang ini.

Berikut ia-lah jadual keramaian murid2 di-tiap2 sekolah Persediaan Inggeris di-seluroh negeri.

KERAMAIAN MURID2 SEKOLAH2 PERSEDIAAN INGGERIS DAERAH BRUNEI-MUARA.

| *Nama sekolah* | *Keramaian murid2* L. | P. | Jumlah |
|---|---|---|---|
| SPI Bandar Seri Begawan | 349 | 335 | 684 |
| SPI Datu Ahmad Burong Pinggai, Ayer, BSB | 88 | 121 | 209 |
| SPI SR Haji Tarif | 101 | 110 | 211 |
| SPI Dato Gudam | 216 | 262 | 498 |
| SPI Amar Pahlawan | 101 | 97 | 198 |
| SPI Anggerek Desa | 207 | 242 | 449 |
| SPI Pehin Dato Jamil | 357 | 334 | 691 |
| SPI Bunut | 48 | 34 | 82 |
| SPI Lambak | 151 | 130 | 281 |
| SPI Kilanas | 64 | 60 | 124 |
| SPI Sg Hanching | 160 | 134 | 294 |
| SPI Sengkurong | 188 | 201 | 389 |
| SPI Muara | 137 | 140 | 277 |
| SPI Gadong | 160 | 165 | 325 |
| SPI Serasa | 59 | 65 | 124 |
| SPI Dato Gandi | 115 | 126 | 241 |
| SPI Lumapas | 88 | 84 | 172 |
| SPI Pangkalan Batu | 77 | 59 | 136 |
| Jumlah | 2,666 | 2,699 | 5,365 |

KERAMAIAN MURID2 SEKOLAH2 PERSEDIAAN INGGERIS DAERAH TUTONG.

| *Nama sekolah* | *Keramaian murid2* L. | P. | Jumlah |
|---|---|---|---|
| SPI Tutong | 288 | 321 | 609 |
| SPI Kiudang | 115 | 136 | 251 |
| SPI Keriam | 109 | 115 | 224 |
| SPI Tanjong Maya | 50 | 65 | 115 |
| Jumlah | 562 | 637 | 1,199 |

KERAMAIAN MURID2 SEKOLAH2 PERSEDIAAN INGGERIS DAERAH BELAIT.

| *Nama sekolah* | *Keramaian murid2* L. | P. | Jumlah |
|---|---|---|---|
| SPI Seria | 340 | 395 | 735 |
| SPI Belait | 242 | 263 | 505 |
| Jumlah | 582 | 658 | 1,240 |

KERAMAIAN MURID2 SEKOLAH2 PERSEDIAAN INGGERIS DAERAH TEMBURONG.

| *Nama sekolah* | *Keramaian murid2* L. | P. | Jumlah |
|---|---|---|---|
| SPI Bangar | 144 | 166 | 310 |

Sekolah2 Persediaan Inggeris ini tidak-lah mempunyai bangunan-nya sendiri ia-nya sa-bangunan dengan Sekolah2 Rendah Aliran Melayu, kalau bangunan itu tidak mampu menampong di-sebelah pagi maka ini akan di-adakan di-sebelah petang dan demikian juga sebalek-nya. Tapi hitong panjang sekolah persediaan Inggeris ini ada-lah bersekolah di-sebelah petang.

# J-kuasa Sekolah Amar Pahlawan

PERPINDAHAN BERAKAS. — Satu jawatankuasa sekolah yang terdiri dari sa-ramai 11 orang telah di-lantek bagi Sekolah Melayu, Sekolah Persediaan Inggeris dan Sekolah Ugama Amar Pahlawan di-sini pada hari Ahad, 14hb Mei untok tempoh tahun 1978/79.

Mereka yang telah di-lantek dalam jawatankuasa itu ada-lah terdiri dari Hj Ibrahim bin Abd Rahman, Penghulu Mukim Berakas sa-bagai Penaong; Hj Mohd Yusof bin PDI Hj Mokti. Ketua Kampong Burong Pingai sa-bagai Penasehat.

Sementara jawatan Pengerusi di-berikan kapada Hj Abd Wahid bin PDP Hj Abu Bakar; Timbalan Pengerusi, Md Zain bin Hj Abd Ghani; Setia Usaha, Awg Moktal bin Sahat, Guru Besar Sekolah tersebut; Setia Usaha I, Metamit bin Mat Zain dan Setia Usaha II, Japar bin Bangkol.

Bagi jawatan Bendahari di-serahkan kapada Hj Sulaiman bin Ahmad; Penolong Bendahari, Ilmi bin Hj Abd Ghafar serta Pemereksa Kira2 I dan II di-lantek kapada Abidin bin Mat Zin dan Pg Metassan bin Pg Ahmad. Sa-ramai 12 orang yang lain pula telah di-lantek menjadi ahli jawatankuasa kechil sekolah yang terdiri dari tiga orang dari tiap2 kampong — Kampong2 Jaya Setia, Jaya Bakti, Burong Pingai dan Berakas Estate.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 18hb Mei, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
2. LADA KERING — $2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
   b) Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
   c) Hong Soon,
   No. 6, Jalan McArthur.
   d) A. Muthian,
   No. 9, Jalan McArthur.
3. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — 24½ kati — $27.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chong Hock & Son,
   No. 1-A, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Soon Seng & Co.,
   No. 32, Jalan Pretty.
   b) Fon Soon,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
2. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — 24½ kati — $27.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Soon Seng & Co.,
   No. 32, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kim Huat,
   No. 53, Jalan Bunga Kuning.
3. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — 24½ kati — $27.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Hudson Company,
   No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.

# Tayangan filem perdana

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi (PAPP) Kampong Sultan Lama, akan mengadakan tayangan perdana pada 30hb Mei ini bertempat di-Panggong Boon Pang, di-sini. Filem yang akan di-tayangkan berjodol "Koboi Ngungsi". Benjamin S ada-lah pelakun utama dalam filem tersebut.

Hasil kutipan tayangan perdana ini untok tabong PAPP dan sa-bahagian-nya akan di-dermakan kapada Tabong Anak2 Yatim, Brunei atau Tabong Derma Kebangsaan Kebajikan Masharakat.

Setia Usaha PAPP, Awg Anuar Haji Md Tahir, mengharapkan sambutan tayangan perdana itu dari orang ramai di-samping beramal.

# Lumba basikal perseorangan di-tanggohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan basikal perseorangan dan berpasokan yang di-jadualkan di-adakan pada 28hb Mei ini akan di-tanggohkan kapada 11hb Jun depan.

Bagaimanapun tempat dan waktu perlumbaan itu tidak berubah.

Pengiran Haji Mohammad bin Pg Haji Chuchu menyatakan bahawa penanggohan itu di-buat oleh kerana sa-suatu perkara yang tidak dapat di-elakkan.

Kata-nya tarikh penerimaan peserta juga di-lanjutkan sa-hingga 5hb Jun, 1978.



Gambar atas menunjokkan Supt. Awang Yakob menyampaikan sijil kapada salah sa-orang kadet di-majlis penyampaian sijil di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah pada hari Khamis lalu.

# 18 orang Kadet Pulis di-naikkan ka-pangkat Serjan dan Kopral

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 18 orang kadet Pulis Diraja Brunei telah di-naikkan ka-pangkat Serjan dan Kopral. Dua majlis penyampaian sijil kenaikan pangkat itu telah di-adakan dalam dua majlis yang berasingan pada minggu lalu.

Dalam majlis yang di-adakan di-Sekolah Inggeris Berakas pada hari Rabu lalu, 12 orang kadet dari sekolah2 di-Daerah Brunei/Muara telah menerima sijil2 kenaikan pangkat tersebut.

Enam orang kadet dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah telah menerima sijil kenaikan mereka di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah pada hari Khamis lalu.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pemerentah Pusat Latehan Pulis, Supt. Awang Yakob bin Pehin Maharaja Diraja Dato Haji Zainal.

Kadet2 yang telah di-naikkan pangkat itu telah menjalani kursus sa-lama dua minggu di-pusat tersebut baru2 ini.

## Peraduan Silat dan Kuntau

BANDAR SERI BEGAWan.—Peraduan Silat dan Kuntau bagi perengkat Daerah Brunei/Muara akan di-adakan pada 20hb dan 21hb Jun di-Dewan Bandaran di-sini.

Menurut Pengerusi Peraduan, Awang Abd Hamid bin Ismail peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bermastautin di-Daerah Brunei/Muara.

Kata-nya pemenang pertama dan kedua akan di-hadiahkan dengan tiket kapalterbang perchuma pergi dan balek ka-Singapura, di-samping hadiah2 berupa oskar dan piala pusingan dan rebutan.

Sharat2 dan borang memasoki peraduan boleh di-dapati dari Setia Usaha Peraduan, Awang Zapar bin Shamsuddin, Pejabat Pos Bandar Seri Begawan dan Awang Suhaili bin Haji Apong, Pejabat Daerah Brunei dan Muara. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb Jun, 1978.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 27hb. Mei, hingga 3hb. Jun, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | *27.5.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | *27.5.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | *27.5.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 29.5.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 | „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 29.5.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 | „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 30.5.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 30.5.1978 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 31.5.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 | „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 31.5.1978 | Rabu | 10.00–10.30 | „ |
| Sekolah Melayu Mentiri | 31.5.1978 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 31.5.1978 | Rabu | 11.30–12.00 | T/hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 1.6.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 | petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara | 1.6.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 | „ |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | †3.6.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 | „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | †3.6.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 | „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | †3.6.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 | „ |

Peringatan :
* Chuti hari Ulang Tahun Askar Melayu Diraja Brunei.
† Chuti hari keputeraan Baginda Queen.

# 2,824 ORANG MASOK PEREKSA SIJIL PERDAGANGAN TRENGKAS MELAYU INSTITUTE (M) SINGAPURA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,824 orang chalun akan mendudoki pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu Institute (M) Singapura dalam bulan Jun depan.

Pepereksaan yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa itu akan di-adakan di-14 buah pusat pepereksaan di-seluroh negeri pada 16hb, 18hb dan 23hb Jun.

Bagi chalun2 di-Daerah Brunei/Muara, pepereksaan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Maktab SOAS, Sekolah Rendah Melayu PAP Besar, Sekolah Melayu Anggerek Desa, Sekolah Melayu Sengkurong dan Sekolah Melayu Tanah Jambu.

Pusat2 pepereksaan bagi chalun2 Daerah Belait akan di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin dan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Bagi Daerah Tutong pula akan di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Sekolah Melayu Tumpuan Telisai dan Sekolah Melayu Kiudang.

Chalun2 di-Daerah Temburong akan mendudoki pepereksaan tersebut di-Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Mata2 pelajaran yang akan di-pereksa dalam pepereksaan tersebut ia-lah trengkas, menaip, steno dan simpan kira dalam aliran Melayu dan Inggeris.

## Perbarisan tamat latehan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 60 orang rekrut Pulis Diraja Brunei — 31 orang daripada-nya rekrut perempuan akan menamatkan kursus latehan asas mereka pada 25hb Mei esok. Satu perbarisan sa-bagai menandakan tamat-nya latehan itu akan di-adakan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara esok, mulai jam 7.30 pagi.

Di-samping rekrut2 itu, kira2 200 orang anggota pulis dari pasokan itu juga akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

Perbarisan tamat latehan itu akan di-pereksa oleh Yang Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah binte Abdullah.




### PERNAFASAN TERHENTI

DI-SEBABKAN paru2 tidak mendapat chukop bekalan udara berseh, organ2 mustahak dan urat sarap dalam otak tidak mendapat oxygen kerana lemas di-sebabkan beberapa perkara; tertimbus dalam tanah atau lombong, tenggelam dalam ayer, terkejut kerana karan letrik, di-sambar kilat, tersedut udara penoh dengan gas, lemas oleh tutopan dengan kain tebal pada hidong dan mulut, leher terchurot atau tergantong, tertindeh benda berat dan lain2.

**Tanda dan Alamat**

Tanda permulaan :
1. pening dan lemah
2. nafas pendek dan susah bernafas.
3. nadi kenchang dan tak sedarkan diri
4. bengkak pada urat2 biru di-leher
5. muka, pipi dan lidah menjadi puchat

Tanda terakhir :

6. bibir, hidong, telinga, jari dan tumit jadi biru
7. nafas hilang terus
8. perjalanan nadi lambat dan tidak terator.

**Rawatan rengkas**
1. buangkan sebab2 memberhentikan pernafasan atau pindahkan pesakit dari tempat itu atau bawa kadarat jika lemas dalam ayer atau keluarkan pesakit dari dalam timbunan tanah atau lombong dan lain2.
2. ikhtiarkan supaya senang dapat udara, jaga supaya lidah pesakit jangan menghalang pernafasan pada lobang pernafasan.
3. pulehkan nafas pesakit dengan segera.
4. penting-nya panggil kereta sakit.

**Chara memulehkan nafas**

Boleh di-bahagikan ka-beberapa bahagian yang sesuai dan teringat ketika memberi pertolongan kechemasan itu.
1. kaedah mulut ka-mulut (mouth to mouth)
2. kaedah mulut ka-hidong (mouth to nose)
3. kaedah Holger Nielsen
4. kaedah Silverster

**Kaedah Mulut ka-Mulut**
1. baringkan orang itu menelantang
2. pegang kepala si-malang dengan kedua belah tangan, sa-belah tangan menekan kepala-nya arah ka-bawah dan tangan sabelah lagi menolak rahang bawah arah ka-atas dan ka-hadapan (rajah 1 dan 2)
3. longgarkan pakaian pada leher, dada dan pinggang dan bersehkan mulut pesakit dari rumput laut atau tanggalkan gigi palsu jika sempit.
4. pichit hidong pesakit dan buka mulut pesakit sa-luas yang boleh.
5. ambil nafas yang panjang dan tutop mulut pesakit dengan mulut penolong chemas dan hembuskan nafas ka-jantong jangan terlalu tajam dan kuat. Buat-lah begitu 12 kali saminit bagi orang dewasa dan 20 kali bagi kanak2.
6. angkat-lah mulut dan segera palingkan ka-arah dada dengan keadaan maseh lagi tundok, perhatikan dada pesakit, penolong chemas akan melihat pergerakan nafas pada dada, pipi akan merasa hembusan nafas pesakit dan telinga akan mendengar bunyi nafas dan pada ketika ini ambil nafas dan tutop mulut pesakit dengan mulut kamu. Dan beri-lah hembusan nafas. Buat-lah chara 4, 5, 6, berulang kali sa-hingga di-serahkan kapada pegawai perubatan.






# JUNIOR OFFICERS FORM CO-OP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Another government officers cooperative society has been formed here.

The Brunei Government Junior Officers Cooperative Society officially came into being ten days ago at a meeting held at the Youth Centre here.

The Commissioner of Cooperative Development, Awang Ahmad Wally Skinner in a speech welcoming the formation of the new society, said it was one of the few formed at the town area, and it can expect stiff competition from the town shop owners.

He advised the members to give their full support in order to make the society a success.

At the meeting fifteen committee members were elected. They included the chairman Awang Abdul Wahab bin Haji Abdul Latif; secretary Awang Puteh bin Jukin; assistant secretary Awang Mohammad bin Kassim; treasurer Awang Maarof bin Haji Yaakub; and assistant treasurer Awang Mohammad Salleh bin Hitam.

A spokesman said at the moment the society has one hundred registered members.

The spokesman added that government officers who wish to join the society can obtain entry forms as well as further details from the secretary Awang Puteh at the Economic Planning Unit here.

Just over three weeks ago the PWD Cooperative Society (Limited) was officially established.



The State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz who is seen above pointing at a painting declared open a two-week art exhibition at the Brunei Museum at Kota Batu last week. The exhibition organised by the Brunei Artists Association has more than one hundred paintings on display and is opened to the public from nine in the morning to five in the afternoon.



The Commandant of the Police Training Centre, Superintendent Awang Yaakub bin YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal presenting a certificate to one of the cadets at Tutong's Sufri Bolkiah English School.

## Group 'O' blood needed

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Blood Bank last Thursday collected twenty-four pints of blood from the medical staff of the First Battalion of the Royal Brunei Malay Regiment.

The latest donation brought the total to nearly seven hundred pints of blood since the present campaign was launched in January.

Meanwhile the bank is urgently appealing for blood belonging to Group 'O'.

Would-be donors can contact the bank at the General Hospital here by ringing 23521 Extension 61 and those in the Belait District may call the Seri Suri Begawan Hospital at 3331 during office hours.

## RBMR CELEBRATES 17TH BIRTHDAY ON SATURDAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah is to present colours to both battalions of the Royal Brunei Malay Regiment this Saturday.

The presentation will take place on the padang here during a parade to mark the seventeenth anniversary of the regiment.

About two hundred members of the regiment, led by the Commanding Officer of the First Battalion Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Mohammad bin Haji Daud will take part in the colourful parade.

## 18 more Police cadets receive Certificates

JALAN MUARA. — Eighteen more police school cadets were last week presented with certificates after they had completed a two-week senior officers' course at the Police Training Centre here.

The cadets—twelve from the Brunei/Muara District and six from the Tutong District — are now entitled to hold the rank of sergeants and corporals.

The Brunei/Muara District cadets received their certificates on Tuesday at the Berakas English School while those from the Tutong District were presented with theirs the following day at the Sufri Bolkiah English School.

## 14th Platoon E Company wins competition

BERAKAS CAMP. — The fourteenth platoon E Company of the Second Battalion of the Royal Brunei Malay Regiment has become His Highness the Sultan's platoon after emerging champion in the inter-platoon competition.

It also received a yellow landyard to be worn for a year for its feat.

Second and third places went respectively to the twentieth platoon G Company and the ninetenth platoon G Company, both also of the Second Battalion.

The prizes were presented by the Commander of Royal Brunei Malay Regiment Colonel Dato Norman Roberts at a ceremony held here last Monday.

Eighteen platoons from the First and Second Battalions of the regiment took part in the competition which was held for ten days at Lumut early this month.

A similar competition was held in the Temburong District last year.

## Renew licences 2 weeks earlier

GADONG. — The Controller of Land Transport, Awang Abidin bin Abdul Rashid in a statement advised those who want to renew their driving licences and car registrations to do so two weeks before the date of expiry.

Awang Abidin also said that from now on registration number would only be issued after the applicant had proved that the car had been bought.

## S'pore's Radio Controller in Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Controller of Radio Singapore, Mrs Maureen Liew was in Brunei for a brief visit last week.

Mrs Liew who arrived on Friday was welcomed at the Brunei International Airport by the Controller of Radio Television Brunei, Mr James Millar and RTB's Radio Programme Production Manager, Mr Stewart Wavell.

During her visit, Mrs Liew had discussions with radio producers on new programme ideas, methods of production and the supply of programmes.

Mr Millar, in welcoming her visit, stressed the importance of maintaining close contacts with Asian broadcasters.

## Over 500 to take part in big walk

GADONG. — The Brunei Muara District Scouts Association is organising a sponsored big walk this Sunday morning.

More than five hundred people representing scouts, girl guides and other uniformed organisations, youth and welfare associations, schools and colleges in the district will take part in the thirteen-mile walk.

It will start from the Jerudong beach at about 8.00 a.m. and finish at the association's headquarters here.

The participants will be flagged off by the President of the State Scouts Association, Dato Paduka Awang Haji Alikhan bin Abdul Khan.

At the end of the walk, the participants will be presented with certificates by Dato Paduka Haji Alikhan and the Permanent Chairman of the State Scouts Association, Dato Paduka Haji Basir bin Taha.

Part of the proceeds from the walk is earmarked for the State National Welfare Fund.

A spokesman for the organising commitee said transport to take participants to the Jerudong beach will leave the Youth Centre at 7.00 am.



Triumphant members of the 14th Platoon E Coy led by Lieutenant Jaafar bin Haji Jaludin with their prizes after the presentation ceremony.

## Another phone exchange opened

SUNGAI LIANG.—People living here can now for the first time telephone direct to other parts of the State.

This followed the opening recently by the Belait District Officer Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar of the new telephone exchange here.

The project was built at a cost of about two hundred and forty thousand dollars.

At present it has only one hundred lines but Telecoms Department officials have said that more lines would be added should the need for them arise.

# KEINDAHAN DUNIA MERUPAKAN NERAKA BAGI ORANG BERIMAN




DALAM Al-Kor'an Surah Al-Hadid ayat 20 ada di-terangkan kehidupan di-dunia, apa bentok dan jenis yang sa-benar. Ia di-sifatkan oleh Allah sa-bagai tidak lebeh dari suatu permainan, sesuatu yang me-lalaikan, satu senda guru dan perhiasan untok bermegah2 antara sa-sama manusia, perlumbaan bagi mendapat banyak harta kekayaan dan anak2.

Semua itu di-umpamakan Allah sa-bagai hujan, yang menakjobkan sekalian petani kerana menyebabkan tumboh dan hijau tanaman2 mereka. Tetapi apabila tiba masa-nya ia menjadi kering dan kuning warna-nya, lalu kemudian punah dan hanchor.

Demikian-lah, akhir sekali jangan-lah pula salah sangka menganggap Islam itu tidak membuka pintu kapada kesenangan di-dunia. Bahkan ugama Islam sa-bagai ugama fitrah sama sekali tidak mengabaikan hajat manusia kapada bermacham2 jenis kesenangan di-dunia ini. Allah menerangkan dalam Surah Al-A'raf ayat 32 yang tafsir-nya sa-chara rengkas, bahawa segala keindahan atau kesenangan dunia dan rezeki yang baik2 itu boleh di-nekmati oleh semua orang yang beriman dan yang tidak beriman ketika hidup di-dunia ini, tetapi di-akhirat kelak, ia semata2 untok orang2 yang beriman sahaja.

Meski pun demikian, kita orang yang beriman mesti-lah ingat, bahawa walau pun dunia itu boleh di-chari, tetapi kita tidak boleh lupa tentang sifat-nya yang khusus, ia-itu suatu kesenangan dan tipuan yang melekakan, maka berdasarkan ini kita perlu-lah berhati2 daripada terbabas atau terjatoh dari rel yang di-benarkan kita menjalani-nya.

Dalam hadith Nabi ada di-sebut yang bermaksud: "*Dunia ini penjara bagi orang yang beriman dan shorga bagi orang kafir*". Hadith ini menerangkan tentang peratoran dan batas2 ugama. Orang yang beriman tidak lepas dari menerima bermacham2 ujian dan kesukaran. Mereka tidak bebas menurutkan hawa nafsu, tetapi mesti mengendalikan hawa nafsu itu sendiri. Sedang kerja mengendalikan hawa nafsu itu pula bukan-lah rengan, tetapi suatu kerja berat, suatu perjuangan, yang mungkin lebeh sukar dari membabang ayer bah ketika hujan lebat.

Kerana itu ia di-sebut penjara, yaani dunia di-umpamakan penjara, kerana kita tidak di-bolehkan melahap-nya dengan sa-bebas2-nya. Kita di-benarkan hanya sa-takat yang layak dan patut. Sa-banyak2 harta, kita hanya di-benarkan mendapat dan memileki yang halal sahaja, yang haram tidak boleh. Sa-banyak2 makanan, kita tidak di-beri choice, melainkan memileh satu sahaja ia-itu yang halal, yang haram tidak boleh. Sa-banyak2 pekerjaan, juga kita tidak di-benarkan memileh yang haram, melainkan yang halal sahaja.

Maana-nya orang Mukmin itu ada-lah orang2 yang di-kawal oleh undang2 Allah. Ia wajib ta'at dan mematuhi-nya. Ia tidak sa-bebas orang2 kafir. Orang kafir tidak mahu mengikut perintah Allah, ia melakukan sesuatu di-dunia ini tanpa batas, dan bebas pula ia mengikuti hawa nafsu untok mendapatkan nekmat dan kesenangan dengan sa-banyak2-nya, ibarat dunia ini shorga bagi mereka. Tetapi manakala mati, masok-lah mereka ka-dalam penjara neraka nekmat seksa yang kekal, sesuatu yang amat di-takuti oleh orang2 yang beriman.

Orang2 yang beriman tidak di-larang menekmati kehidupan di-dunia, tetapi mereka di-ingatkan supaya jangan sekali2 lupa dan terperdaya dengan kelazatan nekmat yang tidak seberapa itu, sa-hingga terlupa kapada nekmat akhirat yang tidak berkesudahan, tempat kita beroleh kebebasan yang sa-benar2-nya. Firman Allah Taala yang bermaksud: "*Kenekmatan hidup di-dunia itu hanya-lah sedikit juga di-banding dengan kehidupan di-akhirat.*"



YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Muhammad bin Haji Daud kelihatan dalam gambar di-atas sedang menyampaikan anak kunchi bagi rumah baru Awg Haji Adam bin Abdullah dengan di-saksikan oleh Awg Haji Yahya, Timbalan Pengetua HEU.

## Serah anak kunchi

KAMPONG SIMBATANG. — Satu upachara penyerahan anak kunchi rumah baru sa-orang Mualaf Awang Haji Adam bin Abdullah telah berlangsong dalam satu majlis yang di-adakan di-kawasan rumah tersebut di-sini pada 9hb Mei yang baru lalu.

Perbelanjaan untok membina rumah tersebut ada-lah atas sumbangan dari Majlis Ugama Islam Negeri Brunei. Manakala kerja2 pembinaan-nya telah di-sempurnakan oleh anggota kejuruteraan Askar Melayu Diraja Brunei yang berpangkalan di-Temburong.

Penyerahan anak kunchi tersebut telah di-lakukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Col Dato Seri Pahlawan Muhammad bin Hj Daud, Pegawai Pemerintah Battalion Pertama AMDB. Turut hadhir di-majlis tersebut ia-lah Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang mana juga turut memberikan uchapan di-majlis itu; Pg Tuah bin Pg Muhammad, Pengelola Baitol Mal, Zakat Dan Fitrah; Pegawai2 Ugama dan pegawai2 kerajaan serta pendudok sekitar-nya.

## AMANAH: KEWAJIPAN UTK. KEBAIKAN UMAT

### Bingkisan minggu ini

ISLAM sangat2 memandang berat sifat2 sa-seorang. Salah satu sifat itu ia-lah amanah.

Amanah bererti: Segala hak yang di-pertanggong-jawabkan kapada sa-seorang samada hak2 itu kepunyaan Allah atau pun kepunyaan hamba2-Nya, baik berupa pekerjaan mau pun berupa perkataan dan keperchayaan hati. Tegas-nya amanah itu menchakop segala apa yang di-pertarohkan kapada sa-seorang samada berupa kehormatan mau pun berupa sesuatu hak yang lain. Bahkan juga ia-nya merangkumi undang2 Allah untok di-jaga dengan sunggoh2 dan di-sampaikan kapada manusia seluroh-nya.

Di-zaman perkembangan sains dan teknoloji ini, peluang2 memang terbuka luas untok melakukan kechurangan2, terutama bagi mereka yang sentiasa menchari jalan untok memenohi kepentingan2 peribadi-nya. Ini di-sebabkan ketiadaan sifat amanah maka berlaku-lah gejala2 pengkhianatan yang tidak di-ingini oleh masharakat saperti rasuah, penyelewengan, penyalah-gunaan kuasa, penindasan, tidak bertang-gong-jawab, mungkir janji dan sa-umpama-nya.

Amanah itu dapat-lah di-bahagikan kapada tiga bahagian.

Pertama: Amanah Allah kapada hamba2-Nya yang wajib di-tunaikan oleh manusia, saperti melaksanakan perintah2-Nya serta menjauhkan diri dari melakukan tegahan-Nya.

Kedua: Amanah manusia terhadap sa-sama manusia, saperti menjaga hak2 dan menghormati kepentingan2 bersama.

Ketiga: Amanah sa-seorang terhadap diri-nya sendiri, saperti menchari sa-suatu keperluan untok diri-nya pada yang lebeh baik dan bermunafaat untok kepentingan hidup di-dunia dan di-akhirat. Termasok-lah juga menjaga makan minum, pakaian serta kesihatan tuboh badan-nya. Bahkan mempertahankan diri dari di-timpa perkara2 keji yang tidak di-ingini dan kalau pun terjadi akan berusaha mengatasi-nya.

Sa-tiap orang yang berkuasa saperti pemimpin2 atau pegawai2 kerajaan ada-lah banyak memikul tanggong-jawab yang di-amanahkan oleh kerajaan dan raayat jelata — yang memerlukan keamanahan.

Di-samping melayani keperluan2 ahli2-nya dengan baik dan jujor, apabila membuat sebarang hukoman juga perlu-lah tidak ada 'deskriminasi' atau membelakangkan keadilan.

Dari sa-tiap aspek di-atas, kalau di-perhatikan sekali imbas nampak-nya menjaga amanah itu ada-lah suatu kewajipan yang berat dan tentu-nya akan mengharongi berbagai dugaan. Tapi sa-perkara yang kita mesti ingat ia-lah objektif-nya ada-lah untok kebaikan umat, tentu-nya sa-tiap perkara yang tidak di-ingini dan di-tegah (apa-tah lagi hukom Allah) kalau tetap di-lakukan jua, itu bermaana menempah bala! Tunggu-lah di-satu masa saat kehanchuran sa-suatu umat itu.

Hal ini telah di-tegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadith-nya yang di-riwayatkan oleh Bokhari dan Muslim yang bermaksud kira2:

"*Apabila di-sia2kan amanah tunggu-lah datang-nya kiamat (kebinasaan). Sa-orang sahabat bertanya: "Apa-kah orang yang mensesiakan amanah ya Rasulullah?" Baginda bersabda: "Apabila di-serahkan sa-suatu urusan kapada yang bukan sa-patut-nya (ahli-nya)*".



JOHAN membacha Al-Kor'an dari murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Temburong sedang menerima hadiah dan perisai kemenangan-nya dari Awg Talib bin Haji Barudin, Penolong Pemangku Pegawai Daerah Temburong. (Gambar2 JHEU).

## Peraduan Kor'an dan Sharahan

PEKAN BANGAR. — Peraduan membacha Al-Kor'an dan sharahan murid2 sekolah ugama di-Daerah Temburong telah berlangsong pada 5hb Mei, 1978 bertempat di-bangunan Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, Pekan Bangar.

Majlis yang bermula kira2 jam 8.00 malam itu telah di-rasmikan oleh Awg Haji Abdul Hamid bin Daud, sa-orang Pegawai Pepereksaan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama. Manakala hadiah2 pula telah di-sampaikan oleh Penolong Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awg Talib bin Hj Barudin.

Pemanang2 dalam kedua2 bahagian peraduan itu akan mewakili daerah tersebut ka-pertandingan perengkat negeri yang akan berlangsong di-Daerah Brunei dan Muara.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24hb Mei, 1978 hingga ka-hari Selasa 30hb Mei, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 25hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 26hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 27hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 28hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 29hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 30hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.




KELIHATAN dalam gambar di-atas, Awang Duraim bin Haji Mohammad, peserta dari Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait sedang menerima hadiah daripada Dayang Hajjah Latifah di-akhir pertandingan tersebut, sementara gambar bawah kiri peserta lelaki dari SKIB, Awang Bahrum bin Talib dan peserta perempuan dari SMMBS, Dayang Rokiah bte Tamit (kanan) sedang beraksi menjawab pantun2 dari pehak lawan masing2.







JEMAAH hakim peraduan yang terdiri dari kanan : Dayang Rokiah bte Haji Morni, Pengiran Chuchu, Jawawi Ahmad dan Alinoordin Md. Zain.




# Berbalas Pantun Perengkat Akhir Sek2. Men. dan Maktab

BERAKAS.— Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut telah munchol sabagai johan Peraduan Berbalas Pantun bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 perengkat akhir tahun ini dalam bahagian perempuan sa-telah mengalahkan Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara.

Kejohanan tersebut telah juga di-rebut dalam bahagian lelaki oleh Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait sa-telah mengalahkan Maktab SOAS (S) dalam peraduan itu yang telah dilangsongkan di-Dewan Sekolah Inggeris Berakas di-sini pada petang Sabtu, 13hb Mei yang baru lalu.

